



KENYATAAN MEDIA

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

**BERHUBUNG ADUAN PENGOREKAN PASIR
DI TELUK SENANGIN, LUMUT PERAK**

12 NOVEMBER 2016

Saya memandang serius mengenai isu kehadiran sebuah kapal yang dipercayai mengambil pasir di kawasan perairan berkenaan yang boleh menjejaskan pendapatan nelayan serta ekosistem hidupan laut di kawasan berkenaan. Aduan ini telah tersiar di laman media sosial dan akhbar tempatan baru-baru ini.

Berikutan itu, saya telah mengarahkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk menyiasat isu ini dan berdasarkan maklumat awal didapati lokasi yang dikenalpasti adalah di Kawasan Peranginan Teluk Senangin/Tanjung Hantu, Lumut, Perak di mana jaraknya lebih kurang 3.02 kilometer daripada Kawasan Peranginan Teluk Senangin dan 1.15 kilometer daripada Tanjung Hantu.

Aktiviti pengambilan dan pengorekan pasir laut di kawasan persisiran pantai yang dipercayai dijalankan sejak dua (2) minggu yang lalu dan operasinya dihentikan pada 4 November 2016, setelah dilaporkan di dalam laman media sosial.

Berdasarkan siasatan JAS, didapati kesemua jentera yang digunakan dalam operasi pengambilan/pengorekan pasir laut tersebut tidak kelihatan di lokasi aduan.

Berdasarkan siasatan JAS juga didapati kebanyakan penduduk yang ditemui telah melahirkan rasa kebimbangan terhadap kesan hakisan pencemaran pantai di kawasan tersebut pada masa-masa akan datang sekiranya aktiviti pengambilan atau pengorekan pasir laut ini diteruskan. Punca pendapatan harian sebagai nelayan dan produk pelancongan dikhuatiri akan terjejas. Pihak Kementerian amat prihatin mengenai kebimbangan penduduk di kawasan berkenaan.

Aktiviti pengorekan dan pengambilan pasir ini tidak dirujuk kepada JAS bagi sebarang ulasan berkaitan sebelum ianya dilaksanakan. Justeru, Kementerian ini melalui JAS akan merujuk kes yang dibangkitkan ini ke Pejabat Tanah dan Galian (PTG), Pejabat Daerah, Jabatan Laut, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) bagi tujuan mendapatkan pengesahan status sebenar aktiviti/operasi pengambilan dan pengorekan pasir laut tersebut kerana aktiviti ini dikhuatiri menjejaskan alam sekitar dan punca pendapatan nelayan di kawasan berkenaan.

Sehubungan itu, saya menggesa pihak kerajaan negeri untuk memberi perhatian khusus mengenai aduan ini disebabkan ianya dibawah kuasa kerajaan negeri dan sebagai agensi kerajaan yang komited, JAS akan meningkatkan pemantauan berkaitan mengenai aduan ini.

Di samping itu, saya juga menggesa orang ramai untuk melaporkan isu sedemikian kepada pihak yang bertanggungjawab untuk diambil tindakan sewajarnya.